

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

STW214 - Penyelidikan Kerja Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A

Wajib dibuat (markah 40)

1. Vicky N. Albert dan Richard P. Barth dalam "Social Service Review," Mac 1996, menulis artikel yang bertajuk: "Predicting growth in child abuse and neglect reports in urban, suburban, and rural counties." Ringkasannya adalah seperti berikut: Kajian ini menganalisa kesan-kesan yang berbeza dari faktor-faktor demografik, sosial, dan ekonomi kepada jumlah laporan penderaan dan pengabaian kanak-kanak di 18 mukim (counties) bandar, tepi bandar, dan luar bandar di California dalam jangka masa 6 tahun. Beberapa penemuannya menunjukkan bahawa di mukim bandar dan luar bandar, jumlah penahanan kerana narkotik dan ubat merbahaya khususnya, berkaitan secara positif dengan laporan penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Penemuan kajian boleh membantu proses memperbaiki corak peruntukan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dan menentukan haluan usaha-usaha awam untuk mengurangkan kejadian penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

Soalan:

- a) Bincangkan angkubah-angkubah tak bersandar dan bersandar (independent and dependent variables) dalam kajian tersebut.
- b) Bincangkan unit analisa yang diguna dalam kajian tersebut.
- c) Bincangkan rekabentuk kajian yang diguna.
- d) Bincangkan isu-isu etika yang terlibat dalam kajian tersebut.

...2/-

Bahagian B

Pilih TIGA (3) soalan (markah 20 setiap satunya).

2. Penyelidikan Kerja Sosial dan Amalan Kerja Sosial mempunyai persamaan dan perbezaan. Bincangkan persamaan dan perbezaan antara keduanya.
3. Dalam kerja sosial, pekerja sosial mungkin sering berdepan dengan konsep kehidupan berdikari (*independent living*). Beri satu definisi formal (nominal) dan satu definisi operasional bagi konsep tersebut.
4. Bincangkan makna kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*) alat ukur dan cara-cara mengujinya atau menentukannya.
5. Anda diminta merancang perkhidmatan untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak. Untuk itu anda perlu melakukan penentuan keperluan (*need assessment*) lebih dahulu.

Soalan:

- a) Bincangkan siapa yang sepatutnya menjadi populasi
 - b) Bincangkan bagaimana menentukan populasinya.
 - c) Bincangkan apa teknik samplingnya.
6. Bincangkan yang mana satu dari rekabentuk sistem tunggal (*single-system designs*) yang mungkin boleh anda amalkan dalam praktikum anda yang akan datang, seandainya anda diberi peluang untuk meningkatkan praktikum anda yang lepas. Bincangkan juga cara pengukuran dan analisisnya, serta kekuatan dan kelemahan reka bentuk yang anda guna.
 7. Anda diminta untuk membuat penilaian mengenai program pemulihan penagih dadah. Bincangkan secara ringkas reka bentuk yang akan digunakan dan rancangan yang akan anda lakukan untuk kajian dimaksud.